

DEMI RAKYAT



PM mahu mangsa banjir
dibantu tanpa diskriminasi



Pusat bandar Alor Setar mula dinaiki air sejak malam kelmarin menyebabkan kawasan sekitar lengang.

PM akan buat apa saja

Arah agensi kerajaan hulur bantuan, tidak akan diskriminasi

MARIA UFFA ZULKAFELI

KUBANG PASU- Agensi-agensi kerajaan pusat diarahkan supaya menyalurkan bantuan kepada semua mangsa banjir tanpa mengira fahaman politik.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kita tidak akan mendiskriminasi mana-mana pihak hanya kerana perbezaan fahaman politik kerana apa yang penting kini ialah bantuan disalurkan kepada semua mangsa banjir.

"Kita mahu memastikan setiap mangsa banjir mendapat bantuan sewajarnya tanpa mengira parti politik.

"Malah saya akan lakukan apa sahaja untuk membantu mangsa banjir yang berada dalam kesusahan kini dan berharap semuanya akan kembali seperti sedia kala," katanya ketika dihubungi Setiausaha Politikanya, Datuk Shahlan Ismail ketika melawat mangsa banjir di Kampung Pulau Timbul di sini, semalam.

Dalam pada itu, beliau juga menasihatkan rakyat di negeri ini supaya bersabar mengharungi dugaan dan mendoakan semoga banjir melanda dua negeri di utara ini kembali surut.

Dalam perkembangan lain, Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Shahlan Ismail berkata, pejabat Perdana Menteri akan menilai semua ke-



● Seorang ibu memujuk dua anaknya untuk menunggu giliran bagi mendapatkan makanan tengahari semasa berbaris panjang di Stadium Sultan Abdul Halim, Jalan Suka Menanti semalam.

perluan yang diperlukan oleh mangsa banjir sebaik selesai bencana itu.

Menurutnya, pihaknya merancang memperuntukkan sebanyak 10,000 unit dapur masak kepada mangsa banjir di seluruh Kedah dan Perlis.

"Pihaknya akan meminta sumbangan daripada syarikat-syarikat korporat termasuklah Bank Muamalat, Kelab Isteri-isteri Menteri, Bank Rakyat dan sebagainya membantu menyediakan keperluan itu kepada mangsa banjir

yang layak menerimanya.

"Perkara ini sedang dalam proses dan pada masa sama kita mohon semua pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bersama-sama turun padang untuk memberikan bantuan membersihkan rumah mangsa selepas banjir surut di negeri ini," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Beliau berkata, untuk itu, pihaknya juga telah menyeimbangkan semua kawasan untuk menyalurkan bantuan.

ATM tubuh pasukan khas bantu mangsa banjir

BAGAN DATOH - Satu Pasukan Khas Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang diketuai Panglima Tentera Darat ditubuhkan bagi membantu mangsa banjir di Perlis dan Kedah.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, buat masa ini Askar Wataniah (AW) dari Rejimen 50 dan 60 bersama Unit Pakar Air dan Pakar Tenaga telah dikerah untuk membantu mangsa banjir yang terjejas di dua negeri yang terlibat.

Menurutnya, ATM menyediakan lima lori membantu pemulihan pembekalan air dan menyediakan air bersih di kawasan itu.

"Kita juga sedang menyediakan satu kumpulan untuk membantu jika berlaku banjir di Pahang dan Johor.

"ATM menyediakan pasukan khas ini sebagai satu tanggungjawab sosial kita khususnya semasa banjir," katanya kepada Sinar Harian dalam satu sidang media selepas merasmikan Mesyuarat Agung Koperasi Wanita Waja (Kowaja), di Wisma UMNO Bahagian Bagan Datoh, Hutan Melintang di

sini, semalam. Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rungkup, Datuk Shaarani Mohamad dan Pengerusi Kowaja, Abaidah Zainuddin yang juga Ketua Wanita UMNO Bahagian Bagan Datoh.

Beliau berkata, pasukan khas itu juga melibatkan Kor Jurutera untuk memperbaiki kemudahan awam yang rosak dan terjejas.

"Kita akan bergerak serta-merta walaupun peringkat permulaan ini kita menggunakan askar wataniah, tetapi anggota tetap juga akan di mobilisasikan untuk membantu.

"Setakat ini ada 200 anggota yang ditempatkan untuk membantu dan kita akan pantau untuk meningkatkan anggota dari semasa ke semasa di samping bekerjasama dengan Pasukan Khas Polis yang ditubuhkan," katanya yang akan melawat ke kawasan banjir itu dalam masa terdekat.

Sementara itu, mengenai bencana Gunung Merapi di Indonesia, beliau berkata, ATM belum menerima sebarang permintaan daripada kerajaan Indonesia.

Sultan Kedah minta ketepi fahaman politik

ALOR SETAR - Sultan Kedah, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah hari ini melahirkan rasa dukacita baginda dengan nasib rakyat negeri itu yang berdepan kesukaran akibat dilanda banjir terburuk dalam sejarah Kedah.

Bertitah pada majlis taklimat khas banjir di sini semalam, baginda turut meminta semua pihak mengetepikan fahaman politik dan tampil membantu demi kepentingan seluruh rakyat negeri yang terjejas teruk akibat bencana itu.

"Beta berasa amat dukacita di atas kejadian bencana banjir yang telah melanda seluruh rakyat negeri Kedah yang tercinta ini, tapi beta percaya ada hikmah di sebalik semua ini.

"Marilah kita sama-sama bersyukur atas nikmat Allah dan yang penting sama-sama mengambil iktibar dan merenung serta memikirkan hikmah di sebalik ke-



● Sultan Abdul Halim bersalam dengan warga emas Cah Abdillah, 100, dari Seberang Pempang semasa melawat lebih 2,000 mangsa banjir di Stadium Sultan Abdul Halim, semalam.

jadian ini," titah baginda.

Pada majlis tersebut baginda turut mengumumkan sumbangan RM500,000 daripada hasil zakat negeri,

serta berkenan mengurniakan sumbangan peribadi RM100,000 kepada kerajaan negeri untuk membantu mangsa banjir di Kedah.

Terdahulu Sultan Kedah dan Sultanah, Tuanku Hamidah Hamidun berangkat melawat rakyat jelata yang terlibat dengan bencana itu di pusat pemindahan di Stadium Suka Menanti di sini.

Turut berangkat mengiringi baginda berdua ialah puteri bongsu yang juga Pengerusi Yayasan Sultanah Bahiyah (YSB) Datuk Seri Tunku Puteri Intan Safinaz. Hadir sama Menteri Besar Kedah Datuk Seri Azizan Abdul Razak dan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri Datuk Ahmad Md Hanipah.

Sultan dan Sultanah Kedah meluangkan masa hampir sejam bersama rakyat jelata di pusat pemindahan itu.

YSB turut menerima sumbangan sebanyak RM200,000 daripada individu yang tidak mahu dikenali bagi membantu mangsa banjir di Kedah serta kerja amal lain. - Bernama

13 sekolah di Pasir Mas, Tumpat dibuka hari ini

KOTA BHARU - Semua 13 sekolah di jajahan Pasir Mas dan Tumpat, Kelantan yang ditutup akibat banjir sejak beberapa hari lalu akan dibuka semula hari ini berikutan banjir pulih sepenuhnya sejak semalam.

Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan Hussein Awang berkata, untuk tujuan tersebut, semua guru besar sekolah terbabit telah dimaklumkan mengenai perkara itu.

"Bagi tujuan itu, kerja-kerja pembersihan kawasan dan bangunan sekolah sedang dilakukan oleh pihak sekolah dan petugas agensi penyelamat," katanya semalam.

Dalam kejadian banjir tiga hari lalu, 13 sekolah kebangsaan di sekitar Rantau Panjang dan Tumpat melibatkan lebih 7,000 murid, yang terletak di kawasan pinggir Sungai Golok ditutup kerana kawasan sekolah terbabit ditenggelami air sedalam 0.5 hingga tiga meter.

Sekolah-sekolah terbabit ialah Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Rantau Panjang (I); SK Sri Rantau Panjang (II); SK Rantau Panjang; SK Lubok Setol; SK Kok Pauh, SK Rahmat; SK Gual Sitok, SK Gual Tok Deh; SMK Rantau Panjang; SRJKC Khay Boon; SK Bakong, SK Chenderong Batu dan SK Bendang Pak Yong.

Sementara itu, Ketua Unit Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Rantau Panjang Yusnizam Jusoh berkata, pihaknya akan menjalankan operasi pembersihan sekolah yang ditenggelami banjir.

Bantuan banjir bukan wang politik

JITRA - Bantuan kepada mangsa banjir di utara Semenanjung Malaysia seperti Kedah dan Perlis bukan wayang politik, tetapi dilaksanakan dengan rasa tanggungjawab terhadap golongan memerlukan.

Presiden Kelab Putera 1Malaysia, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim berkata, Barisan Nasional (BN) dan UMNO sanggup mengetepikan fahaman politik demi membantu yang memerlukan kerana banjir teruk di Kedah dan Perlis memberi kesan kepada kira-kira 50,000 penduduk.

"Kita letak fahaman politik ke tepi untuk membantu rakyat yang betul-betul memerlukan bantuan dan sokongan semua pihak," katanya ketika melawat pusat gerakan banjir di Jitra di sini, semalam.

Misi bantuan Kelab Pu-

tera 1Malaysia dilancarkan semalam bagi membantu mangsa banjir di Kedah dan Perlis.

Sehingga 1.30 pagi semalam, konvoi menyalurkan bantuan di empat kawasan Parlimen di Kedah iaitu Pendang, Pokok Sena, Kota Setar dan Kuala Kedah.

Misi bantuan dijangka meliputi beberapa lagi kawasan Parlimen di Kedah, antaranya Kubang Pasu dan Jerlun serta beberapa kawasan di Perlis.

Sementara itu, Ketua UMNO Bahagian Kuala Kedah, Datuk Latt Shari-man Abdullah berkata, dengan jangkakan paras air meningkat sehari dua ini, pihaknya akan berusaha mencari pusat pemindahan baru.

Ini bagi menampung jumlah mangsa yang dijangka turut meningkat.

Kerajaan Kedah jangan lepas tangan: Muhyiddin

Tingkat usaha licinkan penyaluran bantuan kepada mangsa

NOR 'ASYIKIN MAT HAYIN

MUAR - Kerajaan Kedah di bawah pimpinan Pas diminta tidak lepas tangan dalam melaksanakan tanggungjawab membantu mangsa banjir di negeri itu kepada Kerajaan Pusat semata-mata.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, Kerajaan Negeri itu perlu meningkatkan kerjasama dalam usaha melicinkan penyaluran bantuan, termasuk bekalan air bersih kepada mangsa.

Menurutnya, Kerajaan Negeri tidak boleh menyerahkan tanggungjawab itu kepada Pusat.

"Sebaliknya berkaitan



● Muhyiddin diiringi Kamarudin ketika merasmikan Program Keusahawanan Kolej-kolej Komuniti Wilayah Johor 2010, semalam.

dengan masalah besar seperti banjir ini, Kerajaan Pusat dan Negeri perlu bersama-sama melaksanakan tanggungjawab ini.

"Bekalan air bersih ini

terletak dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri dan mereka perlu memastikan ia mencukupi," katanya pada sidang media selepas merasmikan Program

Keusahawanan Kolej-Kolej Komuniti Wilayah Johor di Pagoh di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Kolej Komuniti, Prof Madya Dr Kamarudin Kasim.

Mengenai pemberian bantuan kepada golongan petani dan pesawah yang terjejas dengan bencana banjir, Muhyiddin berkata, kerajaan akan memaklumkan mengenai bentuk bantuan selepas keadaan bencana itu reda.

"Kita (kerajaan) sememangnya memandang berat masalah ditanggung petani dan pesawah. Kita akan mencari jalan untuk membantu mereka," katanya.